

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD
[BUKIT GANTANG]**

TARIKH : 23 MEI 2016 (ISNIN)

SOALAN:

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bercadang untuk membuka kelas pengajian turath yang sistematik di setiap negeri sebagai usaha untuk melahirkan ulama yang mampu meneroka sumber asal ilmu dan sijilnya pula diiktiraf oleh pihak Kerajaan.

JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pada masa ini pengajian kitab turath yang dilaksanakan di masjid-masjid dan pondok-pondok pengajian Islam di setiap negeri kepada masyarakat umum.

Pengajian kitab turath ini juga diadakan di masjid-masjid utama di bawah kelolaan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) iaitu Masjid Negara dan Masjid Putra.

Di Wilayah Persekutuan, Pondok Moden Al-'Abaqirah telah ditubuhkan di bawah kelolaan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dan pengajian di bawah seliaan dan pengawasan sepenuhnya oleh Sahibus Samahah Mufti Wilayah Persekutuan. Matlamat penubuhannya bagi melahirkan golongan pelapis ulama', mufti, hakim syarie dan juga pakar rujuk yang boleh mentafsir serta mengupas isu-isu serta masalah semasa berdasarkan kaedah dan hukum yang digariskan oleh para ilmuan Islam dan para fuqaha'. Ini kerana konsep pembelajaran pondok moden ini memberi penekanan dalam pelbagai cabang disiplin ilmu seperti syariah, akidah, akhlak (tasawuf), muamalat, jinayah dan lain-lain, di samping mengkaji kitab-kitab turath dalam bentuk transformasi dan moden serta disokong dengan pembelajaran akademik.

Selain itu, Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) yang telah diperkenalkan sejak tahun 2000 hasil daripada usahasama JAKIM dan Kementerian Pendidikan Malaysia adalah berdasarkan kepada kurikulum Ma'ahad Bu'uth Al-Azhar, juga menggunakan kitab-kitab turath yang telah ditransformasi fizikal asalnya dan dijadikan sebagai buku teks bagi sepuluh (10) mata pelajaran STAM. Bagi lulusan STAM, akan diterima masuk ke Universiti Al-Azhar dan universiti yang setaraf dengannya di dalam dan di luar negara dan juga diiktiraf setaraf kelayakan STPM untuk lantikan dalam perkhidmatan awam .

Disamping itu, institusi pengajian tinggi awam yang menawarkan kursus pengajian Islam seperti di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya juga menggunakan kitab turath sebagai bahan pengajaran dan rujukan oleh para pelajar dan pensyarah.

Sekian, terima kasih.